

**HELAIAN MAKLUMAN PRODUK – AL IJARAH THUMMA AL BAI (AITAB)****(Sila baca Helaian Makluman Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk menggunakan kemudahan AITAB)****1. Apakah produk ini?**

Kemudahan ini diberikan kepada anda untuk membiayai sebahagian daripada pembelian kenderaan bermotor. Selepas kelulusan kemudahan tersebut, Perjanjian AITAB akan dibuat diantara anda sebagai Penyewa dan Toyota Capital Malaysia Sdn Bhd (Toyota Capital Malaysia) sebagai Pemilik kenderaan bermotor.

Kadar faedah untuk kemudahan AITAB dikira berdasarkan kadar tetap sepanjang tempoh kemudahan tersebut. Tempoh maksimum kemudahan tersebut adalah 9 tahun sahaja.

**2. Apakah kontrak Syariah yang berkenaan?**

Kontrak Syariah yang berkenaan ialah Al-Ijarah Thumma Al-Bai' (AITAB). AITAB ialah kontrak sewaan (Ijarah) diikuti dengan kontrak jualan (al Bai'). Di bawah kontrak sewaan, pelanggan menyewa aset tersebut dari Toyota Capital Malaysia pada pembayaran sewa yang dipersetujui dalam tempoh tertentu. Selepas tamat tempoh sewaan, pelanggan akan memasuki kontrak jualan untuk membeli aset tersebut dari Toyota Capital Malaysia pada harga yang dipersetujui.

**3. Apakah yang saya dapat dari produk ini?**

- (a) Jumlah pembiayaan: RM \_\_\_\_\_
- (b) Tempoh (tempoh pembayaran): \_\_\_\_\_ tahun ( \_\_\_\_\_ bulan)
- (c) Caj bertempoh:-  
Kadar tetap \_\_\_\_\_ % setahun  
Kadar peratusan tahunan \_\_\_\_\_ % setahun

**4. Apakah tanggungjawab saya?**

- i. Ansuran sewa bulanan anda ialah RM \_\_\_\_\_ bagi tempoh \_\_\_\_\_ bulan dan ansuran sewa terakhir sebanyak RM \_\_\_\_\_
- ii. Jumlah yang perlu dibayar ialah RM \_\_\_\_\_

Sebagai penyewa, anda wajib membayar ansuran tepat pada masanya, memaklumkan Toyota Capital Malaysia (pemilik) tentang sebarang perubahan alamat anda & memastikan kenderaan tersebut sentiasa dilindungi insurans dengan secukupnya.

**5. Apakah fi dan caj- caj yang perlu saya bayar?**

Sila rujuk  
<https://www.toyotacapital.com.my/>  
untuk melihat fi dan caj- caj

**6. Bagaimana jika saya gagal memenuhi tanggungjawab saya?**

- (a) Keuntungan atas sebarang ansuran sewa tertunggak pada 8% setahun (dalam kes caj bertempoh kadar tetap) akan dikenakan ke atas jumlah tunggakan. Keuntungan tersebut akan dikira setiap hari dari tarikh tamat tempoh sehingga satu hari sebelum tarikh pembayaran sebenar, pada mana-mana jumlah tertunggak yang perlu dibayar oleh Penyewa dan dikenakan ke akaun penyewa setiap bulan.
- (b) Toyota Capital Malaysia akan menggunakan hak untuk mengambil semula kenderaan yang dibiayai jika anda gagal membayar dua ansuran sewa bulanan berturut-turut. Sila rujuk kepada proses pengambilan semula (item ke-8) untuk maklumat yang lebih terperinci. Semua kos yang ditanggung semasa pengambilan semula akan dikenakan ke Akaun AITAB anda. Toyota Capital Malaysia akan melupuskan kenderaan itu apabila tamat tempoh yang dinyatakan dalam Notis Jadual Kelima (Notis kepada Penyewa di bawah Seksyen 16 Akta Sewa Beli 1967) di bawah perjanjian AITAB, dan menggunakan pendapatan daripada pelupusan kenderaan itu untuk menyelesaikan semua tunggakan jika tiada penebusan dilakukan dalam tempoh yang ditetapkan.
- (c) Anda akan menanggung apa-apa kerugian selepas pelupusan kenderaan itu. Tindakan undang-undang boleh diambil terhadap anda untuk mendapatkan semula jumlah tunggakan pinjaman. Ini akan menjejaskan kedudukan kredit anda.
- (d) Toyota Capital Malaysia mempunyai hak menolak sebarang baki kredit dalam akaun anda dengan Toyota Capital Malaysia terhadap jumlah baki tertunggak dalam akaun ini setelah notis diberikan tujuh (7) hari kalendar terlebih dahulu kepada anda.

**7. Adakah saya memerlukan perlindungan takaful?**

Anda dikehendaki mengambil perlindungan takaful komprehensif pada kenderaan yang dibiayai di bawah kemudahan AITAB, dan mengekalkan takaful tersebut sehingga kemudahan AITAB itu dibayar sepenuhnya. Jika anda mempunyai takaful yang sah tetapi cukai jalan yang telah tamat tempoh, syarikat takaful boleh membatalkan kelayakan anda dan kenderaan anda daripada mendapat perlindungan /pampasan yang berpunca daripada kemalangan kereta.

## 8. Bagaimanakah saya boleh membayar ansuran bulanan saya?

Untuk kemudahan anda, anda dinasihatkan untuk membayar ansuran bulanan anda melalui cara-cara berikut:-

Saluran pembayaran FPX melalui EZ Connect App, JomPAY (boleh menetapkan jadual pembayaran berulang), Maybank2U (M2U), CIMB Clicks dan BSN. Walau bagaimanapun, anda boleh juga membayar di mana-mana cawangan Toyota Capital Malaysia.

## 9. Bagaimanakah tindakan pengambilan semula boleh berlaku?

(a) Pengambilan semula akan berlaku apabila terdapat:-

- i. Tiada pembayaran bagi 2 bayaran sewa bulanan berturut, ATAU
- ii. Kegagalan untuk membayar ansuran sewa terakhir, ATAU
- iii. Tiada pembayaran bagi 4 bayaran sewa bulanan berturut oleh waris jika penyewa telah meninggal dunia.

(b) Aturcara Pengambilan Semula

- i. Toyota Capital Malaysia akan mengeluarkan Notis Tentang Tujuan Mengambil Semula Milikan (Berdasarkan Seksyen 16 (1) Akta Sewa Beli. Notis ini selalunya dirujuk sebagai Notis Jadual Ke-4) yang memberi anda sebagai penyewa dalam tempoh 21 hari untuk membayar ansuran tertunggak.
- ii. Jika tiada pembayaran dibuat dalam tempoh 14 hari selepas pengeluaran Notis Jadual Ke-4, notis mengikut Peraturan 15 di Peraturan-Peraturan Sewa Beli (Permohonan Permit dan Aturcara Pengambilan Semula Milikan) 2011 akan dikeluarkan, memaklumkan kepada anda tentang hasrat Toyota Capital Malaysia untuk mengambil semula kenderaan yang berkenaan selepas tamat tempoh Notis Jadual ke-4.
- iii. Selepas tamat tempoh yang diberikan, Toyota Capital Malaysia boleh memulakan tindakan pengambilan semula milikan dengan mengeluarkan Perintah Pengambilan Semula Milikan kepada Ejen Perolehan Semula yang diberi kuasa untuk mengambil milik kenderaan tersebut.

Walaupun bagaimanapun, bagi kes-kes di mana jumlah ansuran yang dibayar melebihi 75% daripada harga tunai asal, Toyota Capital Malaysia akan mendapatkan Perintah Mahkamah terlebih dahulu sebelum melanjutkan dengan 8 b) (i), (ii) dan (iii) di atas.

(c) Tindakan Ejen Perolehan Semula

- i. Ejen Perolehan Semula yang diberi kuasa dan mempunyai permit yang dikeluarkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup akan menjalankan pengambilan semula milikan kenderaan motor tersebut dengan membawa:-
  - 1) Perintah Pengambilan Semula Milikan yang dikeluarkan oleh Toyota Capital Malaysia,
  - 2) Perintah Mahkamah (jika terpakai untuk mengambil semula milikan).
- ii. Apabila melaksanakan pengambilan semula milikan, Ejen Perolehan Semula mesti menyediakan dokumen di atas untuk membuat pemeriksaan dan pengesahan bersama-sama dengan Kad Pengenalan dan Permitnya.
- iii. Ejen Perolehan Semula mesti mematuhi garis panduan dan kod etika yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa termasuk yang ditubuhkan oleh Persatuan Syarikat-Syarikat Sewa Beli Malaysia (AHPKM).

## 10. Apakah pilihan yang tersedia untuk saya selepas pengambilan semula milikan?

Selepas mengambil semula milikan, Toyota Capital Malaysia akan mengeluarkan notis Jadual ke-5 yang memberi anda 21 hari untuk melakukan salah satu daripada berikut:-

- (a) Membayar semua jumlah yang tertunggak dan perbelanjaan berkaitan yang ditanggung oleh pihak Toyota Capital Malaysia untuk mengambil semula milikan kenderaan (termasuk bayaran pengambil semula milikan, menarik kenderaan, menyimpan dan sebagainya), ATAU
- (b) Membayar keseluruhan baki jumlah di dalam akaun, termasuk perbelanjaan berkaitan yang ditanggung oleh Toyota Capital Malaysia (seperti di atas), ATAU
- (c) Memperkenalkan pembeli untuk membeli kenderaan atau barangan tersebut pada harga yang dinyatakan pada notis itu.

## 11. Bagaimana jika saya gagal untuk memenuhi tempoh 21 hari pada Notis Jadual ke-5?

Toyota Capital Malaysia boleh menjual/melupuskan kenderaan sama ada melalui lelongan awam atau jualan persendirian untuk mendapatkan semula jumlah berbaki di bawah Perjanjian AITAB. Pendapatan jualan akan digunakan untuk membayar baki terhutang di bawah perjanjian. Walau bagaimanapun, tanggungjawab anda masih diteruskan bagi apa-apa jumlah yang belum dijelaskan jika pendapatan jualan tidak mencukupi untuk menyelesaikan jumlah sepenuhnya. Sebaliknya, jika terdapat sebarang jumlah lebih selepas penyelesaian penuh, ini akan dipulangkan kepada anda.

## 12. Bagaimana jika saya menyelesaikan pinjaman sepenuhnya sebelum tamat tempoh?

Anda berhak mendapat rebat ke atas keuntungan yang belum diterima oleh Toyota Capital Malaysia untuk penyelesaian awal. Rebate ialah bayaran balik sebahagian daripada caj terma yang dikira mengikut formula yang ditetapkan dalam Akta Sewa Beli.

Sebagai contoh, jika anda ingin menyelesaikan sepenuhnya pinjaman anda selepas membayar 48 ansuran sewa bulanan, anda akan mendapat rebat pada caj terma untuk baki 12 bulan (iaitu, 60 – 48 bulan = 12 bulan). Contoh pengiraan rebat adalah seperti berikut:-

Jumlah pembiayaan = RM50,000 pada kadar 3.0% setahun selama 5 tahun, Jumlah caj terma = RM7,500

$$\text{Rebat atas keuntungan} = \frac{\text{RM7,500} \times (1+2+3+\dots+n)}{(1+2+3+\dots+k)}$$

Di mana: n = baki tempoh pembayaran balik (dikira dalam bulan), iaitu 12 bulan  
k = tempoh pembayaran balik asal (dikira dalam bulan), iaitu 60 bulan

$$\text{Jadi, rebat atas keuntungan} = \frac{\text{RM7,500} \times (1+2+3+\dots+12)}{(1+2+3+\dots+60)} = \frac{\text{RM7,500} \times 78}{1,830} = \text{RM319.67}$$

### 13. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan pada butiran perhubungan saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami (secara bertulis dan e-mel kepada [cs@toyotacapital.com.my](mailto:cs@toyotacapital.com.my)) mengenai sebarang perubahan dalam butiran anda untuk memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

### 14. Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengambil kemudahan AITAB, sila rujuk laman web <https://www.toyotacapital.com.my/>. Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:-

(Ibu Pejabat) Petaling Jaya

Lot 20.01, Level 20, Plaza IBM, First Avenue, Bandar Utama, 47800 Petaling Jaya, Selangor. Hubungan Pelanggan: +603 2727 8880; Faks : +603 7962 6076; E-mel: [cs@toyotacapital.com.my](mailto:cs@toyotacapital.com.my)

### 15. Pengakuan Pelanggan

*Saya mengakui bahawa saya telah membaca dan memahami kandungan Helaian Makluman Produk ini.*

*Sebarang perjanjian yang dilaksanakan adalah muktamad dan sebarang pindaan adalah tertakluk kepada persetujuan bersama oleh Pemilik dan Penyewa.*

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Nama:

NRIC No/ ID Syarikat:

### SOALAN LAZIM

1. Berapa banyak pembiayaan yang boleh saya pinjam dari Toyota Capital Malaysia?

Margin pembiayaan akan bergantung kepada kedudukan kredit anda dan tertakluk kepada maksimum 90% daripada harga beli atau lebih rendah yang ditetapkan oleh Toyota Capital Malaysia.

2. Apakah caj bertempoh untuk kemudahan AITAB?

Caj bertempoh maksimum untuk kemudahan AITAB di bawah pembiayaan adalah 10% kadar tetap setahun.

3. Adakah saya memerlukan penjamin untuk kemudahan AITAB saya?

Keperluan untuk penjamin bergantung kepada penilaian kredit yang dibuat oleh Toyota Capital Malaysia.

4. Apa yang perlu saya lakukan jika penjamin atau saya tidak mendapat salinan perjanjian AITAB 14 hari selepas menandatangani perjanjian?

Anda harus menghubungi pihak cawangan Toyota Capital Malaysia yang menguruskan pinjaman anda (cawangan asal) untuk mendapatkan salinan perjanjian.

5. Bolehkah Toyota Capital Malaysia bertegas untuk saya diinsuranskan dengan panel syarikat insurans mereka?

Apabila anda membeli kereta di bawah pelan pembiayaan automotif Toyota Capital Malaysia, anda telah dapat tahu pun macam mana untuk mengatur skim insurans anda pada masa yang sama.

6. Bolehkah saya menukar jumlah ansuran sewa bulanan jika saya mengalami masalah kewangan?

Ini tertakluk kepada budi bicara pihak Toyota Capital Malaysia. Anda dinasihatkan untuk membincang perkara itu dengan kami secepat mungkin. Kami akan membantu anda untuk mencari jalan penyelesaian.

7. Bolehkah saya memperkenalkan bakal pembeli untuk membeli kenderaan bermotor atau barangan yang telah diambil semula milikan?

Boleh. Sebelum tamat tempoh Notis Jadual ke-5, anda boleh memperkenalkan pembeli untuk membeli kenderaan bermotor atau barangan yang telah diambil semula milikan pada harga yang dinyatakan di dalam Notis Jadual ke-5.

8. Bolehkah Toyota Capital Malaysia menuntut apa-apa kos daripada saya selepas kenderaan atau barangan yang diambil semula milikan telah dijual?

Boleh. Sekiranya pendapatan daripada jualan kenderaan bermotor atau barangan yang diambil semula milikan tersebut tidak mencukupi untuk membayar keseluruhan jumlah hutang anda, Toyota Capital Malaysia boleh menuntut jumlah yang tidak mencukupi itu daripada anda.

9. Kemanakah saya boleh membuat aduan jika saya tidak berpuas hati dengan cara kenderaan yang saya sewa diambil semula milikan?

Anda boleh membuat aduan kepada Toyota Capital Malaysia. Khidmat Pelanggan: +603 2727 8880; Faks : +603 7962 6076; E-mel: [repo@toyotacapital.com.my](mailto:repo@toyotacapital.com.my)

10. Sekiranya saya gagal membayar ansuran sewa bulanan, bolehkah Toyota Capital Malaysia menuntut daripada penjamin?

Boleh. Toyota Capital Malaysia boleh menuntut bayaran daripada penjamin kerana penjamin telah bersetuju untuk mengambil alih liabiliti untuk membayar balik hutang anda sekiranya anda gagal membayar pinjaman anda.

11. Apakah hak-hak dan tanggungjawab penjamin di bawah Akta Sewa Beli?

Penjamin mempunyai hak-hak berikut di bawah perjanjian AITAB:-

- Untuk mendapat salinan perjanjian AITAB.
- Untuk menerima semua notis tentang pembayaran yang dikeluarkan oleh Toyota Capital Malaysia kepada penyewa.
- Untuk dilepaskan daripada liabiliti selepas jumlah yang perlu dibayar tersebut dibayar sepenuhnya.
- Untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap penyewa kerana melanggar kewajipan.
- Untuk ditanggung kerugian oleh penyewa terhadap tuntutan oleh Toyota Capital Malaysia selepas membayar jumlah yang perlu dibayar.

12. Adakah saya masih perlu membayar ansuran sewa bulanan saya jika kenderaan bermotor atau barangan tersebut dicuri?

Ya, kewajipan anda untuk membayar bayaran sewa bulanan tidak berakhir dengan kehilangan kenderaan atau barangan anda.

13. Apa yang berlaku kepada perjanjian AITAB sekiranya berlaku kematian penyewa?

Setelah waris mendapatkan Surat Kuasa Mentadbir atau Pengurniaan Probet, hak milikan dan kepentingan akan berpindah kepada waris yang akan mengambil alih tanggung jawab penyewa. Jika tidak, Toyota Capital Malaysia mempunyai hak untuk mengambil semula milikan kenderaan bermotor atau barangan tersebut selepas berlaku kegagalan empat bulan pembayaran sewa.

14. Bagaimanakah saya boleh memindah milik/menjual/melupuskan milikan terhadap kenderaan bermotor atau barangan secara berturut kepada pihak ketiga walaupun kenderaan bermotor atau barangan masih dibiayai di atas nama saya?

Adalah menyalahi undang-undang untuk memindah milik/menjual/melupuskan milikan kenderaan atau barangan tanpa kebenaran Toyota Capital Malaysia. Jika anda melakukannya, anda boleh dikenakan denda yang besar kerana anda masih bertanggungjawab sepenuhnya terhadap liabiliti dan kerugiannya. Di bawah Seksyen 38 Akta Sewa Beli, anda boleh didenda sehingga RM30,000 atau penjara sehingga tiga tahun, atau kedua-duanya sekali. Oleh itu, sila pastikan bahawa anda telah menyelesaikan sepenuhnya hutang anda sebelum anda menjual kenderaan bermotor atau barangan anda. Jika anda ingin menggunakan pendapatan jualan untuk menyelesaikan pinjaman anda, dapatkan persetujuan Toyota Capital Malaysia untuk menjual dan mengaturkan pendapatan jualan yang akan dibayar terus kepada Toyota Capital Malaysia. Jika terdapat sebarang kekurangan, anda mempunyai kewajipan untuk membayar jumlah baki. Jika terdapat lebih, ia akan dipulangkan kepada anda oleh Toyota Capital Malaysia.

15. Bolehkah saya mengalihkan kenderaan atau barang ke lokasi yang selain dari yang dinyatakan dalam Perjanjian AITAB?

Boleh. Walau bagaimanapun, anda mesti memaklumkan kepada Toyota Capital Malaysia lokasi baru dalam tempoh 14 hari dari hari pengalihan. Jika tidak, anda akan melakukan kesalahan di bawah Seksyen 37 (2) Akta Sewa Beli. Denda maksimum yang boleh dikenakan boleh berjumlah sehingga RM250,000 jika penyewa adalah satu syarikat, dan sehingga RM50,000 atau penjara sehingga 5 tahun, atau kedua-duanya, jika penyewa adalah seorang individu.